

23/06/2002

Mahathir lawat penderma darah

PRESIDEN Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat bilik kempen derma darah di tingkat bawah Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pagi semalam.

Dr Mahathir juga sempat berkata berbual dengan salah seorang penderma Maznah Malik, 38 dari Pahang.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 10 minit melawat pusat anjuran Biro Tindakan Sivil Umno dan Puteri Umno dengan kerjasama Pusat Darah Negara bertemakan "Setitis Darah Satu Perjuangan".

Sejak kempen itu bermula kelmarin, lebih 150 orang menderma darah.

Dr Mahathir kemudian meluangkan masa melawat Koridor Produk Wanita yang mempamerkan pelbagai hasil kerja wanita.

(END)